

**LAPORAN KAJIAN AKHIR MEREKA BENTUK DALAMAN AKADEMI MODEL VOGUE @ WORK  
DI PJU 5/20 THE STRAND KOTA DAMANSARA, 47810 PETALING JAYA,  
SELANGOR**

Oleh

**EZAHNORAIN BINTI HASIM  
2006125293**

**JABATAN SENIBINA DALAMAN  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PERAK  
KAMPUS SERI ISKANDAR**

**OKTOBER 2009**

## **ABSTRAK**

Projek akhir untuk para pelajar Diploma Rekabentuk Dalaman merupakan satu tugas yang mempunyai misi bagi mengkaji sejauh mana kefahaman pelajar tentang aspek projek reka bentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat asas hinggalah ke peringkat persembahan cadangan rekabentuk. Projek individu yang telah dipilih ialah Merekabentuk Dalaman Akademi Model Vogue @ Work yang terletak di PJU 5/20 The Strand Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya. Akademi yang dicadangkan merupakan salah satu Akademi Model yang mengajar dan memberi kursus yang dapat membantu para pelajar ataupun model untuk menjadi lebih peka dan berilmu semasa menceburi bidang peragaan. Akademi ini merupakan satu permulaan sebelum pergi ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu, rekabentuk yang dipilih untuk akademi ini perlulah bersesuaian dengan imej dan menonjolkan elemen-elemen peragaan itu sendiri. Bagaimanapun, sebelum mendapatkan hasil rekabentuk yang sesuai untuk akademi ini, beberapa kajian perlu dilakukan di mana tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti jenis-jenis klien dan sasaran pengguna di akademi ini. Antara kaedah kajian ialah melalui temuramah, media cetak, internet, pemerhatian, pengalaman dan juga hasil daripada kajian kes

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirrahim.....

Assalamualaikum w.b.t.....

Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi kerana dengan rahmat dan limpah kurnianya, saya telah Berjaya menyiapkan laporan projek akhir ini dalam tempoh yang ditetapkan. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Pn Zarina Zaabar sebagai penyelia laporan projek akhirini yang telah banyak membantu serta memberikan cadangan yang bernas dalam usaha menyempurnakan laporan ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Suhaimi Bin Musa selaku Koordinator Program yang telah memberikan tunjuk ajar dalam cara-cara yang berkesan untuk menulis laporan ini mengikut format yang betul.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Akademi Model Vogue @ Work selaku klien saya yang telah banyak memberikan pengetahuan tentang projek dan pendapat tentang keperluan dalam ruang. Tidak lupa juga kepada beberapa pihak lain sama ada yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dan tidak pernah jemu memberikan kerjasama dan memberi maklumat dalam menjayakan laporan projek akhir ini. Turut terlibat dalam menjayakan laporan projek ini iaitu kedua-dua ibu bapa yang memberikan dorongan dari segi mental dan fizikal dan juga bantuan kewangan. Sekalung penghargaan diucapkan kepada kakitangan UiTM Perak terutamanya para pensyarah dan khususnya rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi inspirasi serta idea-idea bernas dalam proses menyiapkan laporan ini. Dengan itu semua jasa dan pengorbanan yang telah diberikan amatlah dihargai dan tidak mungkin dilupai.

## **ISI KANDUNGAN**

## **MUKA SURAT**

### **ABSTRAK**

**i**

### **PENGHARGAAN**

**ii**

### **BAB 1.0 PENDAHULUAN**

**1**

#### **1.1 PENGENALAN**

**2**

##### **1.1.1 Definisi**

**3**

#### **1.2 MATLAMAT KAJIAN**

**4**

#### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

**4**

#### **1.4 METODOLOGI KAJIAN**

**5**

#### **1.5 SKOP KAJIAN**

**8**

##### **1.5.1 Kajian melalui internet**


**8**

##### **1.5.2 Kajian melalui kaji selidik**

**9**

##### **1.5.3 Kajian melalui temubual**

**9**



## **BAB 1.0 PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Akademi Model merupakan salah satu permulaan ataupun asas bagi seseorang. Bidang model sudah dipandang tinggi oleh masyarakat, selain member hasil pulangan yang lumayan, ia juga dapat meningkatkan penampilan diri. Sekarang ramai para remaja yang berminat untuk menceburi bidang peragaan tapi tidak tahu bagaimana hendak memulakannya. Oleh itu akademi model diperlukan bagi memenuhi kehendak mereka. Ini kerana bagi menceburi bidang peragaan ini, perbagai pekara perlu diambil kira.ia kerana bidang banyak bermain dengan emosi dan perasaan seseorang.

Akademi model merupakan satu titik permulaan bagi seseorang model yang ingin bergiat didalam bidang permodelan. Tetapi Akedemi ini bukan sahaja untuk mereka yang ingin mernjadi model tetapi untuk mereka yang menpertingkat penampilan diri , etika ketika bersosial, dan cara bersolek. Dengan mengikuti program- program yang diadakan oleh akademi model ini dapat membantu meningkatkan keyakinan diri.